



SIARAN MEDIA

SETAHUN PENTADBIRAN KERAJAAN MADANI : KPKT PROGRESIF JAYAKAN AGENDA KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 10 Disember 2023 – Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah berjaya mencorak pentadbiran cemerlang bersama pasukan KPKT dalam tempoh setahun Pentadbiran Kerajaan MADANI. YB KM telah mengumumkan 30 inisiatif KPKT yang berjaya dilaksanakan dan memberi impak serta manfaat yang besar khususnya dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Pencapaian 30 inisiatif KPKT ini telah diumumkan sempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang berlangsung di Pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil yang bermula pada 8 hingga 10 Disember 2023.

Aspirasi baharu yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dilihat telah berjaya dibangunkan oleh negara dalam tempoh setahun bersama Kerajaan MADANI. Ia meliputi Agenda Malaysia MADANI, Kerangka Ekonomi MADANI, Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara serta Belanjawan MADANI 2024.

Justeru, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya merealisasikan 30 inisiatif selari dengan aspirasi Malaysia MADANI seperti yang digariskan dalam Kajian Separuh penggal Rancangan Malaysia ke-12. Kesemua inisiatif tersebut adalah seperti berikut;

1. 50 juta Penggantian Lif-Lif yang Usang di Program Perumahan Rakyat (PPR);
2. Memulihkan 351 Projek Sakit & Terbengkalai Bernilai RM32.87 bilion;
3. 52.38% Sasaran RMKe-12 Rumah Mampu Milik (RMM) Dicapai;
4. PR1MA Berjaya Menyiapkan 35,454 Unit Kediaman Mampu Milik;

5. SPNB Berjaya Melempi Sasaran Laksana 13,045 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR);
6. RM42.264 juta diperuntukkan bagi Membina Baru dan Membaikpulih Rumah Daif di Bandar;
7. Memperkasa Sosioekonomi Rakyat, RM50 juta bagi Menyedia 3,000 unit MyKiosk Niaga;
8. Memperkenalkan Tandas 'BMW';
9. Menaiktaraf dan Membangun Semula Pasar Awam Usang;
10. Menambahbaik Prosedur Pusat Setempat (OSC) 3.0 Plus;
11. Melancarkan Perkhidmatan Khas Helikopter Ambulans Pertama Negara (EMARS);
12. Membina 4 Balai Bomba Baharu dan Membaikpulih 2 Balai Bomba;
13. Memperkasa Pasukan Bomba Sukarela (PBS);
14. Melaksanakan Perolehan Anjing Pengesan K9;
15. Menambahbaik 400 unit Kuarters Bomba;
16. Memperkenalkan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Bandar DiRaja;
17. Memperkenalkan Program Penarafan Bandar Pintar Malaysia;
18. Melancarkan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB);
19. Melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (GPP PSB);;
20. Mempercepatkan Naiktaraf Status PBT Pekan dan Klang;
21. Menghapuskan 1,771 Tapak Sampah Haram;
22. Menubuhkan Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (NCEC);;
23. Mewujudkan *Drive-Through Recycling Centre* (DRTC)
24. RM109 juta bagi Pembangunan dan Pengindahan Kampung Baru Cina;
25. RM50 juta bagi Penyelenggara dan Membaikpulih Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI);
26. Membina empat (4) Projek Taman Awam Baharu;
27. Mendaftarkan Orkid Hibrid Baharu 'Aranda PMX-Anwar';
28. Mengiktiraf Peranan Media dalam Pelaporan Agenda KPKT;
29. Memenangi RM1 juta Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam dan 11 Anugerah yang lain; dan
30. Menggalakkan Budaya Kerja Cemerlang.

Menurut YB KM, “Bagi tahun 2024, KPKT akan terus komited menjayakan agenda besar KPKT meliputi tujuh (7) bidang fokus utama iaitu aspek perancangan perumahan, peranan Kerajaan Tempatan, pemerksaan komuniti, kemampanan bandar, pengurusan sisa pepejal serta perkhidmatan kebombaan demi kesejahteraan dan daya huni rakyat Malaysia MADANI.”

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertwi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : med_ia.ukk@kpkt.gov.my*

